BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 07/07/10

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 31 Julai 2007

Perkembangan Monetari dan Kewangan Jun 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi tidak berubah pada 1.4% pada bulan Jun.

- Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada bulan Jun disokong oleh peningkatan pengeluaran pinjaman dan terbitan baharu sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS).

- Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan ketara, pada RM8.9 bilion pada bulan Jun.

- Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih institusi perbankan terus bertambah baik kepada 4.1% pada bulan Jun.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 07/07/10

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Selasa, 31 Julai 2007

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JUN 2007

Pada bulan Jun, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 6.8%. Bagi pinjaman sektor perbankan, jumlah pinjaman terkumpul mengembang 6.0% pada asas tahunan, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing meningkat 6.0% dan 7.2%. Penunjuk pinjaman utama bagi sektor perniagaan dan isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif.

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan ketara, pada RM8.9 bilion pada bulan Jun. Sektor awam memperoleh sejumlah besar daripada dana ini melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan 10 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh adalah terutamanya melalui pasaran PDS.

Kadar deposit tetap dan kadar pinjaman asas purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada bulan Jun dan Julai. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang juga secara relatif stabil pada tempoh tersebut.

Pada tempoh 1 Jun - 30 Julai 2007, kadar pertukaran ringgit mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan yang bergerak dua hala. Sentimen pelabur yang berubah-ubah pada tempoh tersebut telah menyebabkan aliran modal turun naik. Bagi tempoh tersebut secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 1.9% - 4.4%, manakala berbanding dengan rupiah Indonesia, ringgit menambah nilai sebanyak 2.4%.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) tidak berubah pada 1.4% pada bulan Jun. Pada separuh pertama tahun 2007, inflasi purata adalah pada 2%.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar lebih perlahan, iaitu 16.2% pada bulan Jun disebabkan penempatan deposit permintaan yang lebih rendah pada bulan itu. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan yang lebih rendah iaitu 12.6%. Pada asas bulanan, M3 merosot disebabkan terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi oleh Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia, dan juga kemerosotan dalam aset asing bersih sistem perbankan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13.1%. Nisbah NPL bersih bertambah baik kepada 4.1%, disebabkan terutamanya oleh pengelasan semula NPL kepada status berbayar, hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan dan penjualan NPL oleh sebuah institusi perbankan.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Jun – 30 Julai, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.48% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan secara relatif terus tidak berubah pada bulan Jun dan Julai. Pada 15 Julai 2007, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 dan 12 bulan masing-masing pada 3.08% dan 3.70%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) tinggi sedikit pada 6.49% pada bulan Jun (6.44% pada bulan Mei).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



Operasi mudah tunai BNM memberikan kesan pengembangan pada bulan Jun bagi mengimbangi penempatan deposit oleh Kerajaan dan sebuah institusi kewangan bukan bank dengan BNM



ALR bank perdagangan meningkat pada bulan Jun



Nisbah pembiayaan-deposit dan nisbah pinjaman-deposit meningkat pada bulan Jun, disebabkan pertumbuhan deposit yang sederhana, manakala pembiayaan terus meningkat dengan kukuh



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mei 07	3.10	3.18	3.32	3.42	3.71
Jun 07	3.09	3.17	3.32	3.42	3.71
15 Jul 07	3.08	3.16	3.31	3.40	3.70

Kadar FD secara relatif tidak berubah



Kadar FD 3 bulan benar secara relatif stabil

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat

Pada tempoh 1 Jun - 30 Julai 2007, kadar pertukaran ringgit mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan yang bergerak dua hala. Sentimen pelabur yang berubah-ubah pada tempoh tersebut telah menyebabkan aliran modal turun naik. Pada tempoh 1-27 Jun, ringgit menyusut sedikit selepas mencatat kenaikan nilai dalam suatu tempoh yang berpanjangan, sejajar dengan mata wang serantau lain yang turut terjejas oleh penilaian semula risiko terhadap aset pasaran yang sedang pesat membangun oleh pelabur global. Pada tempoh 28 Jun – 23 Julai, ringgit menambah nilai berikutan pengumuman data ekonomi dalam negeri yang positif dan juga sentimen pelabur yang bertambah baik terhadap rantau ini. Sejak itu, nilai ringgit bergerak dalam lingkungan yang terhad. Bagi tempoh tersebut secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 1.9% - 4.4%, manakala berbanding dengan rupiah Indonesia, ringgit menambah nilai sebanyak 2.4%.



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Mei 07	Jun 07	30 Jul 07	Akhir Dis 06 - 30 Jul 07	Akhir Mei 07 - 30 Jul 07
Dolar AS	3.5315	3.4045	3.4545	3.4690	1.8	-1.9
Euro	4.6460	4.5724	4.6425	4.7305	-1.8	-3.3
Paun sterling	6.9315	6.7278	6.9171	7.0204	-1.3	-4.2
100 yen Jepun	2.9675	2.8004	2.8000	2.9269	1.4	-4.3
Dolar Singapura	2.3028	2.2265	2.2547	2.2902	0.6	-2.8
100 baht Thailand	9.8111	9.8297	10.0000	10.2831	-4.6	-4.4
100 peso Filipina	7.2027	7.3778	7.4692	7.6058	-5.3	-3.0
100 rupiah Indonesia	0.0393	0.0386	0.0382	0.0376	4.3	2.4
100 won Korea	0.3797	0.3669	0.3732	0.3757	1.1	-2.3
Renminbi China	0.4523	0.4452	0.4535	0.4583	-1.3	-2.9

Inflasi tidak berubah pada 1.4%

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) tidak berubah pada 1.4% pada bulan Jun 2007. Pada separuh pertama tahun 2007, inflasi purata adalah pada 2%. Penyumbang utama kepada inflasi pada bulan Jun ialah kenaikan dalam harga *makanan dan minuman bukan beralkohol, pengangkutan dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.*

Kadar inflasi bagi kategori *restoran dan hotel* dan *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* juga naik pada bulan itu. Sementara itu, harga bagi kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi* terus jatuh, dengan itu menyederhanakan kenaikan keseluruhan dalam IHP.



Inflasi tidak berubah pada 1.4% pada bulan Jun



Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar lebih tinggi pada bulan Mei

Pada bulan Mei, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 4.4% (April: 3.1%) disebabkan kadar inflasi yang lebih tinggi dalam sektor yang berkaitan dengan komoditi berikutan kenaikan harga komoditi. Kadar inflasi dalam sektor yang bukan berkaitan komoditi pula tidak berubah.



Kadar kenaikan IHPR lebih tinggi pada bulan Mei

M3 berkembang pada kadar yang lebih perlahan

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 16.2% pada bulan Jun (Mei: 19.2%), disebabkan penempatan deposit permintaan yang lebih rendah pada bulan itu. Wang secara luas atau M3 berkembang 12.6% (Mei: 14.3%). Pada asas bulanan, M3 menurun disebabkan terutamanya penempatan deposit yang lebih tinggi oleh Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia hasil daripada perolehan daripada terbitan sekuriti Kerajaan. Operasi luaran bersih juga menyumbang sedikit kepada penyederhanaan M3, disebabkan terutamanya penurunan dalam aset asing bersih sistem perbankan. Sebaliknya, tuntutan terhadap sektor swasta memberikan kesan pengembangan terhadap wang secara luas, disokong oleh peningkatan pinjaman yang diberikan dan juga pemegangan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi oleh institusi perbankan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 07	**Apr 07**	**Mei 07**	**Jun 07**
M3	0.1	7.3	2.8	-10.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-2.8	-5.4	-7.2	-8.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	4.8	5.7	2.8	7.0
Pinjaman	*2.7*	*2.1*	*3.3*	*6.0*
Sekuriti	*-4.7*	*0.3*	*1.5*	*1.1*
Operasi luar bersih *	4.6	22.9	24.2	-6.4
Pengaruh lain	-6.5	-15.9	-17.0	-3.2

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan lebih rendah pada bulan Jun

Selepas peningkatan kukuh sejak beberapa bulan sebelumnya, jumlah deposit dengan sistem perbankan menyusut sebanyak RM13.4 bilion (Mei: +RM7.0 bilion) pada bulan Jun, lantas mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 16.2% (Mei: 19%). Pengeluaran deposit dicatat terutamanya oleh institusi kewangan, khususnya institusi kewangan bukan bank domestik dan sebahagian kecilnya oleh pihak berkuasa berkanun. Penurunan deposit sebahagiannya mencerminkan pengeluaran untuk pembelian terbitan baharu sekuriti Kerajaan. Mengikut jenis, instrumen deposit boleh niaga dan perjanjian belian balik menurun, manakala “deposit lain” terus meningkat. Peningkatan “deposit lain” disebabkan terutamanya oleh produk deposit pasaran wang jangka pendek.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 07	**Apr 07**	**Mei 07**	**Jun 07**
Kerajaan Persekutuan	1	383	-492	4,116
Kerajaan Negeri	993	364	-100	-265
Badan Berkanun [1]	653	-326	2,942	-3,047
Institusi Kewangan	6,632	-7,152	3,193	-14,978
Perusahaan Perniagaan	-7,506	6,957	-769	2,516
Individu	1,928	3,338	2,955	1,590
Lain-lain [2]	1,097	731	-733	-3,287
Jumlah	3,798	4,295	6,996	-13,355

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 07	**Apr 07**	**Mei 07**	**Jun 07**
Deposit tetap	-366	1,316	6,079	-1,315
NID	-4,155	-2,133	1,538	-16,757
Deposit permintaan	-3,849	3,091	1,551	2,570
Deposit tabungan	-135	734	-193	938
Perjanjian beli balik (Repo)	6,485	-13,368	-4,437	-29,221
Deposit mata wang asing	690	965	-1,883	2,096
Deposit SPI	2,222	3,047	2,620	81
Lain-lain[1]	2,905	10,642	1,721	28,252
Jumlah	3,798	4,295	6,996	-13,355

1/ Deposit lain kebanyakannya merangkumi deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi

Pada bulan Jun, pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi pada RM54.5 bilion (Mei: RM49.0 bilion), disokong oleh peningkatan pengeluaran pinjaman dan terbitan baharu PDS pada bulan tersebut. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.8% (Mei: 6.2%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar sektor swasta disokong pengeluaran pinjaman dan terbitan PDS yang lebih tinggi

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman
(RM bilion)



Penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada bulan Jun

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Mei	Jun	Mei	Jun
Jumlah				
Permohonan pinjaman	43.0	45.3	57.8	78.7
Kelulusan pinjaman	30.3	32.2	95.3	80.6
Pengeluaran pinjaman	45.5	50.0	7.5	13.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.8	5.6	5.9	6.0
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	25.7	29.3	68.5	116.0
Kelulusan pinjaman	19.6	21.7	169.5	115.7
Pengeluaran pinjaman	31.8	35.9	7.2	12.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.6	2.7	6.0	6.0
PKS				
Permohonan pinjaman	8.0	8.6	9.2	49.6
Kelulusan pinjaman	4.6	5.7	35.6	72.7
Pengeluaran pinjaman	11.7	12.0	3.2	8.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.4	0.1	4.1	3.9
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	17.3	16.1	44.1	36.0
Kelulusan pinjaman	10.6	10.5	29.5	35.0
Pengeluaran pinjaman	13.7	14.1	8.0	13.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.3	2.0	7.2	7.2

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

Penunjuk pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Penunjuk pinjaman utama bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif pada bulan Jun. Kadar pertumbuhan tahunan positif yang kukuh dalam permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan disebabkan lebih banyak kemudahan pinjaman penyambung bersindiket. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan lebih tinggi dengan ketara, dengan dana disalurkan terutamanya kepada sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, serta sebahagian kecilnya kepada sektor perkilangan. Dalam sektor isi rumah, kadar pertumbuhan tahunan yang positif dalam penunjuk pinjaman utama mencerminkan permintaan yang lebih tinggi terhadap pinjaman perumahan dan pembiayaan kad kredit.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.0% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mei: 5.9%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan 6.0% dan 7.2% (akhir bulan Mei: masing-masing 6.0% dan 7.2%)

Dana yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat dengan ketara

Pada bulan Jun, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM8.9 bilion, lebih tinggi dengan ketara berbanding dengan perolehan sebanyak RM3.6 bilion pada bulan Mei. Sektor awam memperoleh sejumlah besar dana melalui terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan 10 tahun dan pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam sektor awam berjumlah RM5 bilion. Dalam sektor swasta, jumlah dana kasar yang diperoleh ialah RM4.5 bilion, terutama melalui dua terbitan sekuriti hutang swasta, yang salah satunya adalah melalui Alat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicle) dalam sektor perkilangan. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam sektor swasta berjumlah

RM3.9 bilion, peningkatan yang ketara daripada RM646 juta yang diperoleh pada bulan Mei.



KLCI bertambah baik pada bulan Jun

Pada akhir bulan Jun, KLCI ditutup pada 1,354.38 mata atau 0.56% lebih tinggi berbanding dengan akhir bulan Mei, meskipun terdapat kebimbangan tentang kadar faedah global yang semakin naik dan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Pasaran disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan prestasi pasaran serantau yang lebih teguh. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1,088.28 bilion (semenjak akhir bulan Mei: 2.58%), manakala urus niaga purata hairan meningkat kepada 1,299.13 juta unit (Mei: 1,161.71 juta unit).



Prestasi KLCI terus bertambah kukuh

Pada 30 Julai 2007, KLCI ditutup lebih rendah sedikit pada 1,352.41 mata (semenjak akhir bulan Jun: -0.15%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih rendah pada RM1,063.91 bilion (semenjak akhir bulan Jun: -2.24%), manakala aktiviti dagangan lebih tinggi dengan urus niaga purata harian pada 1,481.71 juta unit.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM339.8 bilion (bersamaan USD98.4 bilion) pada 29 Jun 2007. Paras rizab pada 29 Jun 2007 telah mengambil kira peningkatan pegangan rizab disebabkan penilaian semula, berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku kedua. Pada 13 Julai 2007, rizab berjumlah RM339.7 bilion atau bersamaan USD98.4 bilion. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 8.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan yang kukuh manakala NPL terus bertambah baik

Sistem perbankan terus teguh dan berdaya tahan. NPL pada asas bersih terus bertambah baik untuk mencakupi 4.1% daripada jumlah pinjaman bersih. Perkembangan positif ini disebabkan terutamanya pengelasan semula NPL kepada status berbayar, hapus kira pinjaman yang berterusan oleh institusi perbankan dan juga penjualan NPL oleh sebuah institusi perbankan. Sementara itu, permodalan terus kukuh dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing sebanyak 13.1% dan 9.9% pada akhir bulan Jun 2007. Dalam keadaan persaingan yang semakin sengit, aset wajaran risiko terus meningkat dengan sederhana pada 1.3% pada bulan itu.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Apr 07	Mei 07	Jun 07
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.1	9.9
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.1	13.1
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	4.3	4.3	4.1
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	25,174	24,872	24,078
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…manakala paras NPL terus bertambah baik

Bank Negara Malaysia
31 Julai 2007
C:\MSB-JUNE (JASM)-BM (post-Gov).doc

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Apr 07		Mei 07		Jun 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		59.7	9.5	58.0	8.7	59.1	10.6
M1		147.1	17.9	149.5	19.2	149.4	16.2
M2		753.6	16.4	762.4	17.4	750.0	13.0
M3		796.5	14.2	799.2	14.3	788.6	12.6
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		846.1	18.3	853.1	19.0	839.8	16.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		604.6	6.2	608.4	5.9	614.0	6.0
Nisbah pinjaman-deposit (%)		69.0		69.0		70.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		77.5		77.2		79.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		29.1	24.4	43.0	57.8	45.3	78.7
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		18.7	31.4	30.3	95.3	32.2	80.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		41.3	-11.9	45.5	7.5	50.0	13.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		38.3	-11.8	41.4	9.6	43.4	11.9
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.1		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.3		4.3		4.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		316.2		339.5		339.8	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		91.6		98.4		98.4	
Bilangan bulan import tertangguh		8.3		8.9		8.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.50 [3.50]		3.49 [3.50]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.52 [3.52]		3.53 [3.54]	
	1 bulan	3.54 [3.56]		3.54 [3.55]		3.55 [3.55]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.10		3.10		3.09	
	3 bulan	3.18		3.18		3.17	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.48		6.44		6.49	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		105.0	1.5	105.1	1.4	105.3	1.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		131.1	3.2	132.6	4.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4230		3.4045		3.4545	
Euro		4.6709		4.5724		4.6425	
Paun Sterling		6.8332		6.7278		6.9171	
100 Yen Jepun		2.8635		2.8004		2.8000	
Dolar Singapura		2.2524		2.2265		2.2547	
100 Baht Thailand		9.8461		9.8297		10.0000	
100 Peso Filipina		7.2014		7.3778		7.4692	
100 Rupiah Indonesia		0.0377		0.0386		0.0382	
100 Won Korea		0.3678		0.3669		0.3732	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.7		3.0		5.0	
	swasta	6.9		0.6		3.9	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,322.3		1,346.9		1, 354.38	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,056.1		1,060.9		1, 088.28	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.